

# Mahathir - Anwar gandingan terbaik

Oleh -  
**KAMARUZAMAN  
MOHAMAD**

**S**HAH ALAM 1 Nov. — Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat menyifatkan gandingan kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai yang terbaik dan tidak perlu diragui lagi.

Tegasnya, beliau berhak berkata demikian kerana setelah bertugas di bawah empat Perdana Menteri, beliau mendapati kombinasi kedua-dua pucuk pimpinan negara itu cukup baik dan sempurna.

Oleh itu katanya, ahli-ahli UMNO perlulah berhati-hati dengan dakwah yang mengatakan hubungan Dr. Mahathir dan Anwar renggang kerana ia sengaja ditimbulkan disebabkan mereka tidak senang hati melihat hubungan baik kedua-dua pemimpin tersebut.

Mohamed berkata de-

mikian kepada pemberita selepas melancarkan Hari Q Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia di Dewan Jubli Perak di sini pagi ini.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kement-

rian Penerangan, Datuk Zawawi Mahmuddin.

Menteri Penerangan itu menambah, hubungan rapat di antara kedua-dua pemimpin jelas apabila Dr. Mahathir banyak memberi tanggungjawab

kepada Anwar sejak dari awal lagi beliau (Anwar) memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Semalam di Kuala Terengganu, Dr. Mahathir menafikan desas-desus tersebut dan menyifatkan

fitnah itu sengaja disebar-kan oleh Presiden Parti Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr. Mahathir menambah, daripada maklumat yang diterimanya menunjukkan Tengku Razaleigh menyebarkan fitnah itu kononnya walaupun nampak dekat dengan Anwar tetapi sebenarnya jauh dan walaupun nampak baik tetapi sebaliknya.

Menyentuh persiapan menghadapi pilihanraya umum pula, Mohamed yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) berkata, semua pengerusi BN peringkat bahagian telah dilantik untuk menggerakkan jentera pilihanraya baru-baru ini.

Katanya, pengerusi BN itu pula akan menubuhkan jawatankuasanya bagi menjalankan gerak kerja di peringkat bahagian masing-masing.

Beliau menambah, mereka hendaklah melakukan persiapan itu seolah-olah esok adalah pilihanraya.